

25 SEP 1996  
Mohamed-Penyiaran  
KABINET MELULUSKAN PINDAAN AKTA PENYIARAN

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kabinet telah meluluskan cadangan meminda Akta Penyiaran 1988 di mesyuaratnya pada 11 Sept lepas dengan pindaan itu mentakrifkan semula penggunaan radio dan televisyen sebagai penerima siaran, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

Beliau berkata, Akta itu juga meliputi cakera parabola, dekoder, radar dan peralatan berkaitan yang digunakan untuk menerima perkhidmatan satelit dan kabel.

"Saya berasa gembira untuk mengumumkan yang Kabinet telah meluluskan cadangan dan rang undang-undang untuk dibentangkan di Parlimen bulan depan," kata beliau semasa melancarkan Perkhidmatan Penyiaran Satelit Terus Pengguna (DTU) yang pertama di Malaysia dikendalikan oleh All Asia Television and Radio Company (ASTRO), di sini.

ASTRO akan menyiarkan 22 rangkaian televisyen di seluruh negara dan lapan stesen radio melalui Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT) yang dimiliki oleh Binariang Sdn Bhd.

Perkhidmatan terus pengguna itu akan dapat diterima menggunakan cakera satelit kecil berukuran 60 cm dan ia menggunakan teknologi digital terkini untuk menyampaikan gambar bermutu cakera laser dan bunyi dengan kualiti cakera padat.

Mohamed berkata, pindaan itu tidak dapat dielakkan memandangkan pembangunan pesat dalam industri penyiaran, iaitu satu daripada hasil kemajuan yang dicapai oleh negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan juga mahu rakyat Malaysia mempunyai lebih banyak pilihan dalam teknologi penyiaran dengan harapan lebih banyak maklumat dan pendidikan akan membantu dalam usaha membentuk masyarakat yang berpengetahuan yang akan membawa negara ke abad akan datang.

"Ia sebenarnya tugas yang rumit untuk mengimbangi hak kebebasan untuk mendapatkan maklumat, pendidikan dan hiburan dengan keperluan kerajaan untuk melaksanakan fungsi kawalan."

"Ini menjadi lebih kompleks dengan perkembangan dalam teknologi penyiaran yang menyebabkan Akta Penyiaran 1988 tidak lagi berguna," kata beliau.

Beliau berkata, perkhidmatan baru tidak dapat diperkenalkan jika Akta itu tidak dipinda untuk memasukkan siaran kabel dan satelit dan juga untuk memberi lesen bagi penggunaan peralatan lain untuk menerima perkhidmatan tokok nilai yang baru itu.

Bagaimanapun, Mohamed berkata pindaan itu juga akan menghadkan penggunaan cakera parabola yang tidak lebih daripada 0.6 metre garispusatnya dan ia mesti direkabentuk untuk menerima siaran televisyen dan radio daripada Measat.

Dengan ini, beliau berkata kerajaan sebenarnya membuka "sedikit" sahaja daripada dasar langit terbukanya kerana ia tidak boleh membenarkan kemasukan elemen asing yang boleh menjejaskan usaha kerajaan dalam membina negara.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga nilai-nilai murni kita dalam mengejar kemajuan," kata beliau.

Perkhidmatan DtU itu akan mula beroperasi pada 1 Okt dengan yuran langganan bulanan sebanyak RM80.

Di samping yuran, pelanggannya juga perlu membayar RM1350 untuk memasang Penerima Satelit Digital (DSR), termasuk alat kawalan jauh (remote

control) , Smart Card, dan RM150 lagi bagi cakera satelit.  
-- BERNAMA  
AH PR